



SIARAN MEDIA
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**NUKLEAR MALAYSIA MEMPERKUKUH PERANAN SERANTAU
DALAM PENGURUSAN KUALITI PEMROSESAN SINARAN**

PULAU PINANG, 27 Oktober 2025 – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) telah memperkukuh kedudukannya di peringkat Asia Pasifik melalui penganjuran mesyuarat akhir projek IAEA/RCA RAS1028 bertajuk “*Improving the Quality Management Practices in Radiation Processing Facilities for Better Performance and Applications*” yang diadakan di DoubleTree Resort by Hilton, Pulau Pinang dengan kerjasama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Projek empat tahun ini, yang bermula pada tahun 2022, memberi tumpuan kepada peningkatan amalan pengurusan kualiti dan sistem dosimetri bagi kemudahan pemprosesan sinaran agar menepati keperluan akta, standard dan perundangan antarabangsa. Malaysia, melalui Nuklear Malaysia, telah diberi kepercayaan sebagai *Lead Country Coordinator* (LCC) yang memperkukuh peranan pentingnya sebagai agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteraskan teknologi nuklear untuk kegunaan aman. Antara hasil utama projek ini ialah kejayaan merapatkan jurang pembangunan industri pemprosesan sinaran antara negara-negara anggota di rantau Asia Pasifik.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin telah merasmikan mesyuarat ini yang menjadi titik penutup kepada pelaksanaan pertama seumpamanya di rantau ni. Dalam ucapannya beliau menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam memperkukuh aplikasi teknologi nuklear bagi manfaat bersama. Beliau turut menyifatkan Projek IAEA/RCA RAS1028 ini sebagai bukti bahawa negara-negara Asia Pasifik mampu bekerjasama untuk meningkatkan standard kualiti dalam fasiliti pemprosesan sinaran. Ia bukan sahaja

memastikan keselamatan dan keberkesanan operasi, tetapi turut memacu inovasi serta pertumbuhan industri berkaitan.

Mesyuarat ini menghimpunkan wakil daripada 14 negara anggota, termasuk Bangladesh, Kemboja, Indonesia, India, Filipina, Korea Selatan, Laos, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. Antara objektif utama ialah membentangkan aktiviti dan hasil yang dicapai sepanjang tempoh projek. Malaysia turut diberi mandat mengetuai pembangunan dokumen senarai semak bagi keperluan pensijilan kemudahan penyinaran, yang akan menjadi rujukan penting bagi penambahbaikan amalan kualiti di peringkat serantau.

Selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN 2030), Nuklear Malaysia kekal komited memperkukuh peranan teknologi nuklear sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi negara. Fokus projek ini turut meliputi peningkatan kepakaran sumber manusia, pengukuhan sistem pengurusan dan kawalan kualiti, serta perluasan aplikasi teknologi penyinaran industri yang selamat, cekap dan menepati piawaian antarabangsa.

Dr. Muhammad Rawi turut merakamkan penghargaan atas kepercayaan yang diberikan kepada Nuklear Malaysia sebagai *Lead Country Coordinator* (LCC) dalam menyelaras aktiviti projek dan kerjasama antara negara anggota. Beliau menegaskan komitmen berterusan Nuklear Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menyokong penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear selaras dengan aspirasi Malaysia sebagai hab sains, teknologi dan inovasi serantau.

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



27 OKTOBER 2025

MENGENAI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.